KEMENTERIAN TENAGA DAN SUMBER ASLI

KERATAN SURAT KHABAR

SURAT KHABAR	:	HARIAN METRO			
TARIKH	:	12.07.22	MUKA SURAT	:	8
JABATAN	:	PERHILITAN			

Bantuan RM5k kepada keluarga pekerja maut dipijak gajah

Jerantut: Yayasan Pemuliharaan Hijau Minyak Sawit Malaysia (MPOGCF) menghulurkan bantuan wang tunai sebanyak RM5,000 kepada keluarga pekerja ladang yang meninggal dunia ketika menerima rawatan di Hospital Sultan Haji Ahmad Shah (HoSHAS), Temerloh, kelmarin akibat dipijak gajah.

Pengurus Besar MPOGCF, Zamakhshari Muhamad berkata, pihaknya bersimpati dengan keluarga mendiang dan berharap dengan bantuan berkenaan dapat meringankan beban mereka.

Menurutnya, dalam kejadian pada 5 Julai lalu, mangsa berusia 55 tahun mengalami kecederaan serius pada badan dan patah pergelangan kaki kiri selepas dilaporkan dipijak gajah liar semasa sedang bertugas di Ladang Semantan, Mentakab.

Gajah boleh menjadi agresif jika sedang kelaparan atau terancam

Katanya, siasatan awal Jabatan Perlindungan Hidupan Liar dan Taman Negara (Perhilitan) Pahang mendapati ladang kelapa sawit itu terletak bersempadan dengan Hutan Simpan Kemasul dan terdapat beberapa kumpulan gajah liar yang dikenal pasti.

"MPOGCF mengambil inisiatif untuk menghulurkan bantuan wang tunai RM5,000 dengan harapan dapat membantu meringankan beban keluarga mendiang.

"Pada masa sama, pekerja ladang kelapa sawit dinasihatkan berhati-hati dan tidak mengambil tindakan bersendirian jika bertembung atau berhadapan dengan gajah liar, tetapi sebaliknya menghubungi Perhilitan untuk tindakan lanjut," katanya dalam satu kenyataan di sini.

Katanya, walaupun gajah bukan haiwan yang ganas, tetapi mamalia itu boleh menjadi agresif jika sedang kelaparan atau merasakan keselamatan dirinya terancam.

"MPOGCF memandang serius kejadian ini dan akan terus memberi sokongan penuh bagi usaha mengurangkan konflik manusia-gajah dan langkah mitigasi bersesuaian dengan menggalakkan keharmonian bersama terutamanya dalam industri sawit Malaysia termasuk inisiatif pemuliharaan gajah," katanya.

HM120722_8